

## Penambahbaikan Amalan Pengajaran dan Pembelajaran Guru Bahasa Melayu di Sekolah Rendah

### *(Recommendations for Enhancing the Teaching and Learning Practices of Malay Language Teachers in Primary Schools)*

Subairi Onggoh<sup>1\*</sup>, Crispina Gregory K Han<sup>2</sup>, Mohammad Azri Bin Amatan<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pendidikan dan Pengajian Sukan, Universiti Malaysia Sabah, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

Email: subairi1512019@gmail.com

<sup>2</sup>Faculty Pendidikan dan Pengajian Sukan, Universiti Malaysia Sabah, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

Email: crispina@ums.edu.my

<sup>3</sup>Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim Perak Darul Ridzuan, Malaysia

Email: azri.amatan@fsk.upsi.edu.my

#### ABSTRAK

Kajian ini meneroka cadangan penambahbaikan Pengajaran dan Pembelajaran (PDP) Bahasa Melayu bagi membantu guru-guru memperbaiki pelaksanaan PDP. Kajian ini dijalankan berdasarkan aspek-aspek yang terkandung dalam model pengajaran berkesan iaitu perancangan, suasana bilik darjah, pendekatan instruksional, serta tanggungjawab profesional guru. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif dengan pendekatan fenomenologi. Peserta kajian terdiri daripada guru-guru Bahasa Melayu yang dipilih secara pensampelan bertujuan berdasarkan skor pencerapan PDP mereka. Data dikumpulkan melalui temu bual, pemerhatian, dan analisis dokumen. Data ditranskripsikan dan dianalisis menggunakan teknik analisis kandungan dengan bantuan perisian Atlas Ti versi 22. Secara ringkas, dapatan kajian menunjukkan beberapa cadangan penambahbaikan PDP Bahasa Melayu yang boleh diaplikasikan dalam pengajaran bagi meningkatkan markah pencerapan PDP guru Bahasa Melayu.

#### ABSTRACT

This study explores suggestions for improving Malay Teaching and Learning (PDP) to help teachers improve the implementation of PDP. This study was conducted based on the aspects contained in effective teaching model, namely planning, classroom atmosphere, instructional approach, and the teacher's professional responsibility. This study uses a qualitative design with a phenomenological approach. The study participants consisted of Malay teachers who were selected through purposive sampling based on their PDP observation scores. Data was collected

#### CORRESPONDING

##### AUTHOR (\*):

Subairi Onggoh  
(subairi1512019@gmail.com)

#### KATA KUNCI:

Pengajaran dan pembelajaran  
Penambahbaikan pengajaran  
Bahasa Melayu  
Pencerapan pengajaran

#### KEYWORDS:

Teaching and learning  
Improvement of Malay teaching  
Observation of teaching

#### CITATION:

Subairi Onggoh, Han, C. G. K., & Mohammad Azri Amatan. (2024). Penambahbaikan Amalan Pengajaran dan Pembelajaran Guru Bahasa Melayu di Sekolah Rendah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 9(11), e003120. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v9i11.3120>

through interviews, observations, and document analysis. Data was transcribed and analyzed using content analysis techniques with the help of Atlas Ti software version 22. In brief, the findings of the study show several suggestions for improving the Malay Language PDP that can be applied in teaching to increase the Malay Language teacher's PDP perception scores.

**Sumbangan/Keaslian:** Kajian ini menyumbang kepada literatur sedia ada dalam amalan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan guru di sekolah rendah. Sumbangan kajian juga adalah mengenal pasti masalah-masalah yang menjadi punca skor pencerapan Bahasa Melayu yang rendah serta mencadangkan penambahbaikan pengajaran dalam aspek perancangan mengajar, kemahiran mengajar, pengurusan kelas dan tanggungjawab profesional.

## 1. Pengenalan

Guru yang berkualiti ialah individu yang mampu menyampaikan pengajaran secara berkesan, memastikan murid-murid terlibat sepenuhnya sepanjang proses PDP. Menurut [Cooper \(2006\)](#), keberadaan guru di bilik darjah menjadi kebergantungan utama murid, menjadikan peranan guru sebagai pemudah cara atau fasilitator amat penting ([Min, 2021](#)). Walau bagaimanapun, kualiti peribadi guru merupakan faktor utama dalam meningkatkan keberkesanan PDP ([Batjo & Ambotang, 2019](#)). Oleh itu, guru perlu kreatif dalam menyampaikan pengajaran. Pengajaran yang berkesan bukan sahaja membantu murid mencapai sasaran kemenjadian seperti yang digariskan dalam dasar pendidikan negara tetapi juga menjadikan guru pembimbing yang selaras dengan keperluan pembelajaran abad ke-21.

Pengajaran berkesan merupakan kemahiran penting yang perlu dikuasai oleh guru untuk menyampaikan PDP dengan baik, di samping memotivasikan murid untuk terus belajar dan mencapai kecemerlangan akademik. Kajian oleh [Chong et al. \(2017\)](#) menekankan bahawa guru Bahasa Melayu perlu diperkasakan dalam aspek kemahiran pengajaran, pembelajaran dan penyeliaan bagi meningkatkan kemahiran mengajar. Langkah ini dapat memastikan proses PDP dilaksanakan secara berterusan, ilmiah dan kolaboratif.

Namun begitu, pemerhatian oleh Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) menunjukkan pencapaian pengajaran guru, khususnya di sekolah rendah daerah Tenom, masih berada pada tahap "tidak cemerlang." Masalah ini sering dikaitkan dengan penggunaan kaedah pengajaran konvensional seperti *chalk and talk* ([Nurul Ashikin et al., 2020](#)), penerapan KBAT yang sederhana, dan aktiviti PDP yang kurang menarik ([Mohd Zeki et al., 2020](#)). Selain itu, pengaplikasian kaedah abad ke-21 juga didapati sederhana ([Norazlin & Siti Rahimah, 2013](#)). Tambahan pula, kaedah pengajaran terkini seperti pembelajaran Terbeza ([Radi & Amran, 2023](#)), kaedah didik hiburan, dan pembelajaran digital masih tidak diamalkan secara konsisten ([Aishah et al., 2022](#); [Hasin et al., 2022](#); [Impak et al., 2023](#)).

Guru Bahasa Melayu kini menghadapi cabaran besar untuk melengkapkan diri dengan kemahiran mengajar yang relevan dan sesuai dengan keperluan era globalisasi. Seiring dengan perkembangan ini, kualiti guru Bahasa Melayu perlu dipertingkatkan dengan menerapkan unsur kreativiti, pemikiran kritis dan nilai etika dalam PDP. Hal ini penting kerana PDP yang berkualiti bukan sahaja memacu pembelajaran yang bermakna dalam bilik darjah tetapi juga menyumbang kepada pembangunan murid yang lebih holistik.

Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti amalan pengajaran yang diaplikasikan oleh guru dalam PDP Bahasa Melayu yang mengheret kepada pengajaran yang tidak cemerlang.

### 1.1. Pernyataan masalah

Masalah utama yang timbul apabila guru Bahasa Melayu gagal mencapai skor pencerapan yang cemerlang secara keseluruhan adalah ketidakmampuan mereka untuk mencapai matlamat pengajaran yang sepatutnya. Hal ini juga menyulitkan guru untuk mengubahsuai pengajaran dengan lebih kreatif. Menurut [Noor Lela et al. \(2019\)](#) kelemahan dalam penyampaian PDP sering mendapat kritikan masyarakat kerana dianggap tidak selaras dengan kemajuan sistem pendidikan semasa. Oleh itu, peningkatan kualiti guru adalah keperluan mendesak untuk memastikan pelaksanaan amalan pengajaran yang cemerlang, khususnya dalam konteks abad ke-21. Prestasi pengajaran guru Bahasa Melayu turut menunjukkan kelemahan dalam mengaplikasikan pendekatan, kaedah, teknik, dan penggunaan peralatan mengajar. Guru juga didapati kurang memberi bimbingan serta motivasi kepada murid. Berdasarkan kajian [Norazlin dan Siti Rahimah \(2013\)](#), sikap guru yang enggan menerima perubahan terhadap kaedah pengajaran abad ke-21 menjadi salah satu faktor yang menghalang kreativiti dalam pengajaran. Kelemahan dalam penyampaian PDP membawa kepada proses pembelajaran yang pasif serta kurangnya komunikasi dua hala antara guru dan murid. Akibatnya, penglibatan maksimum murid dalam PDP sering diabaikan, menyebabkan beberapa aspek dalam Rubrik pencerapan tidak dipenuhi. Keadaan ini menunjukkan perlunya transformasi yang signifikan dalam sikap dan pendekatan guru untuk memastikan keberkesanan pengajaran yang sejajar dengan kehendak dan standard pendidikan masa kini.

### 1.2. Objektif kajian

Meneroka cadangan penambahbaikan pengajaran Bahasa Melayu di Sekolah Rendah daerah Tenom.

## 2. Sorotan literatur

### 2.1. Pengajaran Berkesan

Penyelidikan mengenai keberkesanan guru adalah sangat luas. Proses pengajaran dan pembelajaran berlaku melalui interaksi dua hala antara pengajar dan pelajar, sama ada secara langsung dalam bilik darjah atau secara tidak langsung seperti pembelajaran dalam talian. Pengajaran bukanlah proses satu arah sahaja. Menurut [Chong et al. \(2017\)](#), pengajaran yang sebenar di institusi pendidikan melibatkan pendekatan yang sistematik dan sesuai untuk mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif di dalam bilik darjah. Oleh itu, bagi memberi impak yang positif kepada pelajar, bimbingan guru haruslah lebih terbuka dan melibatkan interaksi aktif dengan pelajar, serta dilakukan secara konsisten dan berterusan. Hal ini penting agar pelajar memiliki maklumat dan pengetahuan yang mencukupi melalui aktiviti pembelajaran yang terancang ([Ainun et al., 2017](#)).

Guru-guru yang berjaya mengamalkan pengajaran berkesan biasanya menggunakan kaedah pengajaran berpusatkan murid ([Hushaini et al., 2020](#)). Dalam merancang proses PDP, penglibatan murid harus diutamakan. Aktiviti PDP di bilik darjah perlu dirancang untuk memastikan penglibatan maksimum daripada murid. Sebarang suasana pembelajaran yang efektif mestilah memberi tumpuan kepada penglibatan aktif murid

(Marinah Awang et al., 2018). Guru-guru digalakkan untuk menggunakan pelbagai teknik pengajaran dan sumber pembelajaran agar lebih kreatif, serta menyusun dan mengolah aktiviti mengikut kesesuaian murid (Chong et al., 2017).

Guru yang berkesan dapat merancang pengajaran mengikut aras kebolehan murid, serta mengurus masa pengajaran dengan tepat semasa PDP. Ini termasuk menyelesaikan PDP dalam tempoh masa yang diperuntukkan bagi setiap subjek dan memberi cukup masa kepada murid untuk menyiapkan tugas atau latihan di kelas ataupun kerja rumah. Selain itu, guru yang berkesan juga sentiasa memberi motivasi dan dorongan kepada murid untuk tekun belajar dan mencapai kecemerlangan akademik, termasuk berhasrat melanjutkan pelajaran ke universiti. Oleh itu, guru yang berkesan perlu memastikan murid-murid menguasai konsep atau kemahiran dengan jayanya agar tiada murid yang tercicir dalam pembelajaran mereka.

Perancangan pengajaran yang teliti oleh guru adalah sangat penting dan merangkumi pelbagai aspek, termasuk strategi pengajaran, isi kandungan, objektif pengajaran, gaya pengajaran, kaedah pengajaran dan pembelajaran, teknik penyampaian, bahan bantu mengajar, serta kaedah penilaian yang akan dilaksanakan (Ab Halim Tamuri & Rashed, 2022). Proses perancangan pengajaran ini amat penting bagi guru baharu, guru berpengalaman dan juga guru pakar (Fatimah, 2008; Zulkifly et al., 2021). Sebelum memulakan proses pengajaran dan pembelajaran, guru perlu menetapkan objektif yang jelas untuk setiap sesi pengajaran. Selain itu, kebolehan dan minat pelajar harus dipertimbangkan semasa merancang sesi pengajaran untuk memastikan pengajaran tersebut sesuai dengan keperluan dan kehendak murid.

Dalam persekitaran pembelajaran, terdapat hubungan yang rumit antara struktur fizikal seperti susun atur peralatan, ruang, pencahayaan, susunan meja, dan aspek psikologi seperti interaksi antara guru dan murid. Susunan fizikal ruang pembelajaran boleh mempengaruhi atau membatasi interaksi antara pelajar dan guru, serta membentuk tingkah laku yang diharapkan oleh guru. Menurut Marinah Awang (2018), bilik darjah adalah persekitaran yang unik, penuh dengan pelbagai dimensi, di mana terdapat pelajar dengan latar belakang, tugas dan tekanan masa yang berbeza. Persekitaran ini melibatkan pelajar yang mempunyai matlamat dan keperluan yang berbeza, yang perlu berkongsi sumber, menyelesaikan tugas, menggunakan bahan kajian dan bergerak dalam ruang yang sama. Oleh itu, bilik darjah memainkan peranan penting dalam kehidupan pelajar kerana mereka menghabiskan sebahagian besar masa mereka di sana. Kualiti persekitaran pembelajaran di dalam bilik darjah mempunyai pengaruh besar terhadap keberkesanan pengajaran.

Kualiti persekitaran pembelajaran di dalam bilik darjah dipengaruhi oleh pelbagai aspek, dengan salah satunya adalah aspek fizikal. Kajian oleh Jaggil Apak dan Muhammad Suhaimi Taat et al. (2018) menunjukkan bahawa pembelajaran aktif di bilik darjah berkait rapat dengan kemudahan fizikal yang ada. Kemudahan fizikal yang mencukupi dan selesa bukan sahaja merangsang kemahiran intelek, tetapi juga meningkatkan hubungan sosial, menggalakkan pembelajaran, dan mengurangkan tingkah laku negatif dalam kalangan pelajar. Persekitaran yang selesa dan menarik ini mempunyai pengaruh besar terhadap keberkesanan pengajaran dan pembelajaran.

Strategi pengajaran merujuk kepada rancangan yang disusun untuk mencapai matlamat tertentu melalui penggunaan pendekatan, kaedah, dan teknik yang sesuai. Kaedah pengajaran pula merujuk kepada tindakan yang diambil oleh guru untuk mengendalikan

proses pengajaran dan pembelajaran. Kaedah ini melibatkan interaksi dan tindak balas antara guru dan murid (Subri et al., 2020). Guru yang berkesan dalam melaksanakan pengajaran biasanya memiliki pelbagai strategi berasaskan amalan terbaik yang dikembangkan melalui kajian tindakan serta pengetahuan yang mereka peroleh dan perhalusi sepanjang kerjaya mereka. Penyampaian pengetahuan oleh guru di dalam bilik darjah dikenali sebagai pengajaran instruksional. Kejelasan dalam penyampaian pengajaran, melalui penggunaan suara yang jelas dan bahasa yang tepat, merupakan elemen penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu (Chong et al., 2017). Beberapa komponen utama dalam penyampaian pengajaran termasuklah nada, suara dan penerangan guru. Nada merujuk kepada intonasi yang digunakan semasa bercakap (Reduzan et al., 2018). Suara guru adalah aspek penting dalam pengajaran kerana suara yang jelas membantu memastikan pelajar dapat memahami dengan mudah. Oleh itu, penggunaan nada yang sesuai dan penerangan yang teliti dari guru adalah sangat penting untuk memastikan pelajaran disampaikan dengan berkesan.

Tanggungjawab profesional guru merangkumi peranan yang melangkaui sekadar pengajaran di dalam bilik darjah. Aktiviti-aktiviti ini mungkin tidak terlihat oleh murid, namun kadangkala dipantau oleh ibu bapa dan pihak pentadbir secara berkala. Tanggungjawab profesional amat penting untuk perkembangan berterusan dan pemantapan diri guru dalam profesion mereka. Ia menjadi elemen penting yang membezakan tahap pengajaran, dari asas ke mahir. Tanggungjawab profesional guru melibatkan refleksi diri, perancangan pembangunan profesional, penyertaan dalam komuniti profesional serta sumbangan kepada profesion itu sendiri (Hadijah & Abu Bakar, 2021). Amalan ini turut merangkumi interaksi dengan keluarga murid, hubungan dengan komuniti, penyelenggaraan rekod, ketepatan dalam menyediakan kertas kerja dan advokasi untuk murid-murid (Danielson, 2007). Tanggungjawab ini mendorong guru untuk lebih responsif dan terlibat dalam budaya murid dengan memahami dan mengenali mereka secara mendalam dalam komuniti sekolah dan kawasan sekitar.

### 3. Metod Kajian

Pengkaji memilih pendekatan kualitatif untuk meneroka fenomena berkaitan amalan pengajaran guru Bahasa Melayu. Kajian ini dilaksanakan berdasarkan prosedur kajian yang bermula daripada temu bual dan pemerhatian dalam aspek perancangan PDP, persekitaran bilik darjah, instruksional dan tanggungjawab guru dalam mengenal pasti masalah-masalah dalam PDP dan mencadangkan penambahbaikan PDP Bahasa Melayu. Seperti yang dinyatakan oleh Silverman (2013), kajian kualitatif berkait rapat dengan persoalan mendalam, sementara reka bentuk fenomenologi digunakan kerana ia dapat merungkai pengalaman sebenar guru dalam melaksanakan pengajaran Bahasa Melayu. Menurut Creswell (2012), penyelidikan kualitatif memberikan pemahaman yang terperinci terhadap fenomena yang dikaji, menjadikannya sesuai untuk kajian ini. Dalam konteks ini, pengkaji meneroka amalan pengajaran guru Bahasa Melayu melalui pemerhatian terhadap aspek perancangan, persekitaran bilik darjah, instruksional dan tanggungjawab profesional. Kaedah pensampelan bertujuan digunakan untuk memilih peserta kajian. Pengumpulan data dilakukan melalui temu bual, catatan pemerhatian dan analisis dokumen (Gill, 2020). Proses pengumpulan data berlangsung di lokasi sebenar antara April hingga Jun 2024 melibatkan empat orang informan dari sekolah berbeza dan telah mencapai ketepuan data. Menurut Othman Lebar (2014) tidak ada peraturan untuk menentukan saiz sampel dalam penyelidikan kualitatif tetapi secara amnya sampel yang kecil (1-7 orang) sudah memadai asalkan memenuhi semua kriteria pensampelan. Temu bual dan pemerhatian dilaksanakan pada hari yang sama berdasarkan jadual yang telah

disediakan sementara analisis dokumen dilakukan selepas proses tersebut selesai. Data dianalisis menggunakan teknik analisis kandungan seperti yang dicadangkan oleh [Bogdan dan Biklen \(2003\)](#). Proses analisis merangkumi *decontextualization* (pengasingan maklumat), *recontextualization* (makna baharu), *categorization* (pengorganisasian data) dan *compilation* (penggabungan data daripada pelbagai sumber). Teknik ini melibatkan interpretasi data daripada temu bual, pemerhatian dan dokumen. Selain itu, triangulasi data dilakukan untuk meningkatkan kebolehpercayaan hasil kajian yang melibatkan perbandingan antara temu bual dengan pemerhatian dan dokumen (triangulasi sumber data). Dalam konteks kajian ini, pengkaji memperoleh kebenaran bertulis secara rasmi iaitu mengemukakan surat permohonan kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP), Jabatan Pendidikan Sabah (JPN) dan Guru Besar sebelum melaksanakan kajian yang sebenar. Setelah pengkaji mendapat kelulusan permohonan daripada BPPDP dan JPN, langkah seterusnya adalah pengkaji mendapatkan kebenaran dan persetujuan daripada guru yang terlibat dalam kajian ini sebagai peserta kajian. Pengkaji mengedarkan surat rasmi memohon kebenaran guru Bahasa Melayu dan meminta maklum balas dengan menandatangani surat persetujuan.

#### 4. Hasil kajian

Berdasarkan temu bual daripada informan P1, beliau menyatakan cadangan memperbaiki perancangan mengajar (RPH) yang merangkumi objektif PDP, kaedah pengajaran dan aktiviti PDP. Perancangan pengajaran haruslah dibuat sendiri dengan mengambil perhatian perbezaan tahap penguasaan murid-murid sepertimana kehendak dalam pembelajaran Terbeza.

*“Pada pendapat saya, aspek perancangan mengajar perlu diperbaiki dengan merancang sendiri PDP. Guru-guru juga perlu lebih kreatif dalam mereka bentuk PDP dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran Terbeza dan Berfokus dan Pembelajaran Digital”.*

P1(1)I-7/4/24

Informan P2 pula mencadangkan untuk menambah baik program dan aktiviti Bahasa Melayu adalah dengan merancang program panitia. Hal ini berhubungan dengan perancangan takwim panitia pada setiap tahun. Program peningkatan Bahasa Melayu seperti karnival Bahasa Melayu dengan menganjurkan pelbagai pertandingan seperti pertandingan membaca, mengeja, bercerita, syarahan dan puisi dapat memberikan pengalaman awal kepada murid-murid tentang kemahiran-kemahiran yang terdapat dalam Bahasa Melayu.

*“Cadangan untuk menambah baik pengajaran Bahasa Melayu ialah Panitia perlu merancang program dan aktiviti untuk guru-guru meningkatkan kemahiran dalam mengajar BM agar lebih berkesan”.*

P2(1)I-15/5/24

Cadangan penambahbaikan seterusnya adalah berkaitan dengan bahan bantu mengajar (BBM) seperti alatan pengajaran yang kekal, internet dan smart TV sepertimana yang dinyatakan oleh informan P1 dan P4. Hal ini demikian kerana di dalam bilik darjah ini tidak terdapat bahan bantu mengajar yang tersedia seperti buku bacaan, komputer, TV dan objek-objek lain.

*"Menyediakan bahan bantu mengajar yang sesuai terutama penggunaan teknologi ICT".*

P1(1)I-7/4/24

*"Sediakan peralatan seperti TV online di dalam kelas agar pembelajaran digital lagi berkesan dan senang diurus pemasangan".*

P4(1)I-15/5/24

Berikutan dengan itu, informan P1 mencadangkan juga agar peruntukan kewangan disediakan untuk pembelian peralatan mengajar yang boleh diletakkan dalam bilik darjah.

*"Memberi peruntukan bagi pembelian peralatan mengajar dalam bilik darjah dan bukanlah bergantung dengan inisiatif guru".*

P1(1)I-7/4/24

Cadangan penambahbaikan yang seterusnya adalah kaedah pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Seperti yang dinyatakan oleh pengkaji dalam merungkai masalah-masalah pengajaran BM bahawa kaedah didik hibur, pembelajaran digital, kaedah PAK-21 dan koperatif tidak diaplikasikan setiap hari.

*"Menyediakan aktiviti didik hibur. Guru perlu tingkatkan penggunaan kaedah pembelajaran digital dengan paparan video YouTube yang lebih memudahkan pemahaman pelajar terhadap sesuatu topik begitu juga dengan pencarian maklumat menggunakan internet seperti carian Google".*

P1(1)I-7/4/24

*"Pengajaran didik hibur dan digital juga perlu diperkukuhkan lagi dalam pengaplikasian semasa PDP".*

P2(1)I-2/5/24

Berikutan dengan itu, informan 3 pula mencadangkan bahawa guru-guru BM seharusnya mengamalkan kaedah pengajaran PAK-21 dan Pengajaran Terbeza kerana aktiviti PDP yang pelbagai dan berbeza proses, bahan dan aktiviti.

*"Guru-guru BM perlu sentiasa mengamalkan kaedah pengajaran PAK-21 dan Pengajaran dan pembelajaran Terbeza kerana aktiviti PDP yang pelbagai dengan memfokuskan tiga tahap aktiviti yang berbeza-beza iaitu tahap rendah, sederhana dan tinggi. Mempelbagaikan kaedah pengajaran terutamanya Pengajaran dan Pembelajaran Terbeza".*

P3(1)I-10/5/24

Informan P4 pula mencadangkan guru-guru Bahasa Melayu mengamalkan pembelajaran secara koperatif. Pembelajaran koperatif ini dilaksanakan secara berkumpulan dan pembentangan untuk memupuk kerjasama pasukan.

*"Guru perlu amalkan pengajaran secara koperatif agar murid-murid dipupuk untuk saling bekerjasama dan memupuk sikap kepimpinan dalam diri murid-murid".*

P4(1)I-15/5/24

Cadangan seterusnya adalah meningkatkan komunikasi dengan ibu bapa murid. Informan 1 menyatakan cadangannya agar komunikasi dengan ibu bapa dan guru perlu secara berkala bagi mengetahui perkembangan akademik anak-anak mereka.

*“Peningkatan komunikasi dan perbincangan secara berkala antara guru dan ibu bapa dengan menjadualkan sesi perjumpaan antara guru dan ibu bapa bagi membincangkan perkembangan akademik anak-anak mereka”.*

P1(1)I-7/4/24

Informan P2 pula mencadangkan agar guru-guru Bahasa Melayu melakukan kajian tindakan untuk memperbaiki pengajaran Bahasa Melayu. Kajian tindakan ini boleh mengenal pasti kelemahan PDP dan mencari penyelesaian sesuatu masalah.

*“Bagi saya, kajian tindakan dalam pengajaran Bahasa Melayu perlu dilakukan oleh setiap guru yang mengajar BM. Sebabnya, pendekatan ini merupakan kaedah yang terbaik dijalankan oleh guru-guru Bahasa Melayu untuk memperbaiki dan meningkatkan pengajaran serta pembelajaran Bahasa Melayu di kalangan murid sekolah rendah”.*

P2(1)I-2/5/24

## 5. Kesimpulan

Berdasarkan dapatan temu bual daripada informan, terdapat beberapa cadangan penambahbaikan terhadap Rancangan Pengajaran Harian (RPH) bagi meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran (PDP) Bahasa Melayu. Guru disarankan untuk menyusun sendiri RPH mereka daripada membeli atau mencari contoh dalam talian, seperti di Google. RPH yang dirancang sendiri lebih sesuai dengan konteks kelas masing-masing dan membantu guru memahami keperluan murid dengan lebih mendalam. Perancangan RPH perlu mengambil kira tahap penguasaan murid yang berbeza-beza ([Zulkifly et al., 2021](#)). Ini selaras dengan kehendak instrumen pencerapan PDP yang menekankan keperluan pengajaran yang inklusif dan responsif terhadap kebolehan murid. RPH perlu dirancang untuk memberi tumpuan kepada satu kemahiran bahasa tertentu, seperti membaca, menulis, atau bertutur ([Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017](#)). Hal ini membolehkan murid lebih fokus dan mendalami kemahiran yang diajar. Aktiviti PDP perlu dirancang dengan perbezaan pelaksanaan untuk memenuhi keperluan pelbagai tahap kebolehan murid. Guru juga disarankan untuk menggunakan kaedah pengajaran berpusatkan murid, seperti kerja kumpulan, pembelajaran interaktif dan pendekatan kolaboratif ([Eng & Ngen, 2021](#)). RPH perlu menekankan pendekatan yang melibatkan murid secara aktif, seperti yang digariskan dalam Rubrik pencerapan PDP. Ini memastikan perancangan bukan sahaja memenuhi keperluan instrumen tetapi juga mendorong penglibatan murid secara menyeluruh dalam PDP.

Cadangan seterusnya adalah untuk memastikan pihak sekolah menyediakan bahan bantu mengajar (BBM) dan peralatan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang kekal di dalam bilik darjah. Guru perlu menyediakan BBM yang sesuai dengan tahap penguasaan murid yang berbeza. BBM yang pelbagai dapat membantu murid memahami topik dengan cara yang lebih menarik dan bermakna. Peralatan seperti komputer, speaker, sambungan internet dan smart TV perlu disediakan secara tetap di dalam bilik darjah ([Noorazman et al., 2018](#)). Hal ini memudahkan guru menggunakan teknologi dalam pengajaran tanpa perlu bergantung kepada makmal sains atau pusat sumber. Peralatan tersebut haruslah mencukupi bagi kegunaan semua murid dalam kelas. Ini memastikan tiada murid yang

tertinggal atau menghadapi kesukaran untuk mengikuti aktiviti pembelajaran berbantuan teknologi. Dengan adanya peralatan ICT yang lengkap di bilik darjah, guru dapat melaksanakan aktiviti PDP yang lebih interaktif dan menarik seperti pembelajaran multimedia, permainan pembelajaran digital, atau aktiviti kolaboratif dalam talian (Johari & Siti Norazlina, 2010). Pihak sekolah perlu memastikan peralatan ICT ini di selenggara secara berkala untuk menjamin kebolegunaan sepanjang masa. Dengan peralatan tetap di dalam bilik darjah, guru tidak perlu bersusah payah membuat tempahan atau berkongsi dengan kelas lain yang boleh mengganggu kelancaran proses PDP. Cadangan ini bertujuan untuk menyokong pembelajaran abad ke-21 yang lebih dinamik, digital, dan berpusatkan murid. Dengan penyediaan peralatan yang lengkap dan tetap, guru akan lebih bersedia untuk melaksanakan kaedah pengajaran moden yang dapat meningkatkan keberkesanan PDP serta menarik minat murid untuk terus belajar.

Guru-guru juga mencadangkan agar peruntukan kewangan khusus disediakan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk pembelian peralatan mengajar yang dapat diletakkan secara tetap dalam bilik darjah. Cadangan ini mencerminkan keperluan terhadap transformasi bilik darjah ke arah pembelajaran abad ke-21 yang lebih berasaskan teknologi. Peralatan seperti komputer, tablet, smart TV dan peranti lain harus dibekalkan secara kekal di bilik darjah. Peralatan ini akan menyokong pembelajaran digital, membolehkan penggunaan bahan multimedia, dan aktiviti interaktif yang meningkatkan pengalaman pembelajaran murid (Aying et al., 2019). Negara-negara maju seperti Jepun, Finland dan Korea Selatan telah lama melengkapkan bilik darjah mereka dengan teknologi terkini. Dengan mengikuti jejak mereka, bilik darjah Malaysia boleh di transformasi menjadi ruang pembelajaran digital yang lebih inovatif, menarik dan efisien. Dengan akses mudah kepada peralatan teknologi, guru akan lebih terdorong untuk merancang pengajaran berasaskan teknologi seperti pembelajaran interaktif, gamifikasi dan pembelajaran sendiri melalui platform digital. Penggunaan teknologi juga memudahkan guru untuk mengadaptasi strategi pengajaran kepada keperluan murid yang pelbagai. Peralatan ini bukan sahaja menyokong pembelajaran digital tetapi juga membantu murid meningkatkan kemahiran ICT, selaras dengan kehendak pendidikan abad ke-21. Pelaburan dalam peralatan ini akan menghasilkan murid yang lebih bersedia untuk menghadapi cabaran masa depan dan meningkatkan kedudukan pendidikan negara di peringkat global. Cadangan ini menuntut KPM untuk memandang serius keperluan terhadap teknologi dalam pendidikan dan menyediakan strategi yang jelas untuk pelaksanaannya secara menyeluruh.

Berdasarkan dapatan kajian, Pengetahuan Pedagogi Kandungan (PPK) adalah elemen penting yang perlu dikuasai oleh guru untuk mencapai kecemerlangan dan keberkesanan dalam pengajaran dan pembelajaran (PDP). Penguasaan PPK membolehkan guru menjadi lebih inovatif dan kreatif dalam menyampaikan isi kandungan pelajaran kepada murid. PPK adalah gabungan pengetahuan tentang isi kandungan subjek dan pengetahuan pedagogi yang diaplikasikan dengan mengambil kira keperluan murid dan konteks bilik darjah (Nurul Ashikin et al., 2020). Guru yang menguasai PPK dapat menyesuaikan pendekatan pengajaran dengan kandungan subjek. Memahami cara terbaik untuk menyampaikan isi kandungan agar relevan dan mudah difahami oleh murid. Guru mesti memahami subjek yang diajar dengan mendalam, termasuk konsep utama, isu, dan cara menyelesaikan masalah dalam subjek tersebut. Memahami pendekatan dan strategi pengajaran yang sesuai untuk subjek tertentu, contohnya, penggunaan cerita dalam mengajar Bahasa Melayu. Memahami ciri-ciri murid seperti latar belakang, tahap penguasaan, dan gaya pembelajaran mereka. Guru perlu yakin dengan keberkesanan strategi pengajaran yang digunakan dan dapat mengadaptasi mengikut keperluan situasi.

Pengetahuan pedagogi kandungan yang kukuh membolehkan guru mewujudkan pembelajaran yang bermakna dengan mengaitkan isi kandungan kepada kehidupan murid. Menggunakan pelbagai pendekatan, termasuk pendekatan konstruktivisme, pembelajaran berpusatkan murid dan aktiviti abad ke-21. Menyampaikan pengajaran secara kreatif dan inovatif untuk memastikan penglibatan murid yang maksimum (Mustaffa et al., 2021).

Oleh itu, pengkaji mencadangkan agar guru-guru menguasai Pengetahuan Pedagogi Kandungan (PPK) bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran mereka lebih cemerlang, berkesan, serta kreatif. Pengetahuan pedagogi yang efektif melibatkan pemahaman tentang konteks persekitaran bilik darjah, yang merangkumi pengetahuan guru mengenai kandungan subjek, pedagogi yang digunakan dalam pengajaran subjek tersebut, ciri-ciri murid, serta kepercayaan guru terhadap pendekatan pengajaran yang diterapkan. Dengan penguasaan PPK, guru akan lebih mampu menyampaikan pengajaran dengan cara yang sesuai dan menarik berdasarkan keperluan murid serta konteks pengajaran yang berlaku.

### **Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)**

Para penyelidik menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Malaysia Sabah (UMS). Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian.

### **Penghargaan (*Acknowledgement*)**

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah memberikan sokongan dan bantuan sepanjang kajian ini dijalankan. Terima kasih kepada penyelia saya, Profesor Madya Dr Crispina yang telah memberikan bimbingan, nasihat dan dorongan yang sangat bermakna sepanjang proses kajian ini.

### **Kewangan (*Funding*)**

Sumber kewangan bagi kajian ini sepenuhnya dibiayai melalui perbelanjaan sendiri tanpa sokongan daripada mana-mana pihak ketiga atau institusi.

### **Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)**

Kajian ini tidak mempunyai konflik kepentingan terhadap mana-mana peribadi, profesional atau kewangan yang dapat mempengaruhi objektif dan integriti saya dalam kajian ini.

### **Rujukan**

Ab Halim Tamuri, & Rashed, Z. N. (2022). Persediaan dan Perancangan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Menyepadukan Ilmu Sains dan Al-Quran. *Akademika*, 92, 3–13.

- Ainun, R. I., Zamri, M., & Wan Muna Ruzanna, W. M. (2017). Pembelajaran Abad Ke-21 Dan Pengaruhnya Terhadap Sikap, Motivasi Dan Pencapaian Bahasa Melayu Pelajar Sekolah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(2), 77–88.
- Aishah, S., Aban, S., Muna, W., & Wan, R. (2022). Cabaran Pengaplikasian Pendekatan Didik Hibur Dalam Pengajaran Guru Bahasa Melayu Dari Aspek Kemahiran Membaca Dalam Talian. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 26(1), 349–362. <https://doi.org/10.55057/jdpd.2022.4.1.27>
- Batjo, N., & Ambotang, A. S. (2019). Pengaruh Pengajaran Guru Terhadap Kualiti Pengajaran Guru. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 4(2), 30–42.
- Bogdan, R., & Biklen, S. K. (2003). *Data analysis and interpretation. Qualitative research for education: An introduction to theory and methods*. Boston. Allyn and Bacon.
- Aying, C., Awang, M. M., & Ahmad., A. R. (2019). The Use of Digital Technology as a Medium of Teaching and Learning History Education. *The 2nd International Conference on Sustainable Development & Multi-Ethnic Society Social Sciences, Education and Humanities (GCSSEH)*, 2, 151–155.
- Chong, O. S., Mahamod, Z., & Hamzah, M. I. M. (2017). Meneroka kaedah pengajaran guru cemerlang bahasa Melayu negeri Sarawak: Satu kajian kes. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7, 93–108.
- Cooper, J. M. (2006). *Classroom Teaching Skills (Ninth Edition)*. Wadsworth, Cengage Learning.
- Creswell, J. W. (2012). *Educational Research Planning, Conducting, and Evaluating Quantitative and Qualitative Research (Fourth Edition)*. Pearson.
- Danielson, C. (2007). *Enhancing professional practice: A framework for teaching (2nd edition)*. Association for Supervision and Curriculum Development.
- Eng, J. A. J., & Ngen, L. S. (2021). *Guru Sebagai Pakar: Strategi Pengajaran Dan Pembelajaran Abad Ke-21*. Pts Media Group Sdn.Bhd.
- Fatimah Affendi, M. M. (2008). Definisi Perancangan Pengajaran dan Kepentingan Perancangan Pengajaran. *Pedagogi Dalam Pendidikan*. <http://Pedagogi-Pendidikan.Blogspot.Com/2013/06/Definisi-Perancangan-Pengajarandan.Html>.
- Gill, M. J. (2020). *Phenomenological approaches to research*. SAGE Publications Ltd.
- Hadijah Johari, & Abu Bakar Abdullah. (2021). Tanggungjawab Profesional: Kompetensi Profesional Dalam Kalangan Kaunselor Di Malaysia (Professional Responsibility: Professional Competence Among Counselors in Malaysia). *International Journal of Social Science Research (IJSSR)*, 3(4), 201–209.
- Hasin, I., Othman, R., Abdullah, N. S., Yusoff, K. M., & Rahman, M. R. A. (2022). Isu dan cabaran pembelajaran digital dalam transformasi pendidikan negara pasca covid 19. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 15(2), 23–32. <https://doi.org/10.1063/5.0114564>
- Hushaini, N. H., Osman, Z., & Sarudin, A. (2020). Pelaksanaan Amalan Terbaik Pengajaran Bahasa Melayu Dalam Kalangan Guru Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ)*, (1), 54. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i5.394>
- Impak, A. L., Azwahanum, N., & Shaid, N. (2023). Pembelajaran Terbeza Dalam Pengajaran Kemahiran Membaca Sekolah Rendah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 5(1), 205–216. <https://doi.org/10.55057/jdpd.2023.5.1.17>
- Jaggil Apak & Muhamad Suhaimi Taat. (2018). Pengaruh Kesiediaan Guru Terhadap Pengurusan Bilik Darjah Abad Ke-21. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 3(4), 6-22
- Johari Hassan & Siti Norazlina Kamisan. (2010). Halangan Terhadap Penggunaan Komputer Dan Ict Di Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran (P&P) Di Kalangan Guru Di Sekolah Menengah Kebangsaan Luar Bandar di Daerah Kulai Jaya, Johor. *Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia*, 15(3), 262–267.

- <https://doi.org/10.1002/eji.1830150310>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). *Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2 (SKPMG2)*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Marinah Awang, Mohd Ezrizal Zakaria, & Ramlee Ismail. (2018). Hubungan persekitaran fizikal bilik darjah dan kesejahteraan dan keselesaan pembelajaran dan pengajaran. *Management Research Journal*, 7(1), 86–99.
- Min, M. (2021). *Teacher Effectiveness: Policies and Practices for evaluating and Enhancing Teacher Quality in south Korea*. Appalachian State University, USA. <https://doi.org/10.4018/978-1-7998-7908-4.ch009>
- Mohd Zeki, M. Z., Abdul Razak, A. Z., & Abd Razak, R. (2020). Cabaran Pengajaran Guru Pendidikan Islam Di Sekolah Pendalaman: Bersediakah Dalam Melaksanakan KBAT? *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 8(1), 11–24.
- Mustaffa, Z., Hussin, Z., & Sulaiman, A. M. (2021). Pedagogi Terbeza Untuk Pengajaran Guru Terhadap Kepelbagaian Murid. *Asian People Journal* 6(1), 202–214. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i9.997>
- Noor Lela Ahmad, Sho, S. L., Hariyaty Ab Wahid, & Rohaila Yusuf. (2019). Kepentingan Amalan Pengajaran dan Pembelajaran abad 21 Terhadap Pembangunan Pelajar. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4, 28–51.
- Noorazman Abd Samad, Wan Mohd Rashid Wan Ahmad, Hairuddin Harun, Mohd Hasril Amiruddin, Suhaizal Hashim, & Faizah Ja'apar. (2018). Bahan Bantu Mengajar (BBM) dalam Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Daerah Pontian. *Online Journal for TVET Practitioners*, 1–10.
- Norazlin Mohd Rusdin & Siti Rahimah Ali. (2013). Amalan Dan Cabaran Pelaksanaan Pembelajaran Abad Ke-21. *Proceedings of Islamic Civilization and Technology Management*, 2013–2025.
- Nurul Ashikin Md. Yatim, Peng, C. F., & Abdullah, Z. (2020). Tahap Pengetahuan Pedagogi Kandungan Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 10(2), 43–53.
- Othman Lebar. (2014). *Penyelidikan Kualitatif. Pengenalan kepada Teori dan Metode*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak.
- Radi, N. H., & Amran, S. (2023). Strategi dan Cabaran Pelaksanaan Pendekatan Pembelajaran Terbeza dalam Kalangan Guru di Sekolah Rendah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(5), e002336. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i5.2336>
- Reduzan, N. H. B., Osman, Z., & Yusof, A. (2018). Keberkesanan Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Abad Ke-21. *9th International Conference on Language, Education, Humanities and Innovation*, 1976, 10–19.
- Silverman, D. (2013). *Doing Qualitative Research*. Fourth Edition. SAGE Los Angeles, London.
- Subri, M. R., Yaakub, R., & Nudin, A. B. (2020). Analisis Komunikasi Bukan Lisan Guru Cemerlang Bahasa Melayu ketika melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran KOMSAS. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(3), 267–277.
- Zulkifly Md Alwayi, Rahimah Embong, & Huda Afiqah Hashim. (2021). Perancangan pengajaran guru dalam pembelajaran dan pemudahcaraan: Satu kajian rintis. *Asian Journal of Civilizational Studies*, 3(1), 11–18.